

MyCC kaji pasaran makanan negara

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengambil inisiatif menjalankan kajian semula pasaran terhadap lima barang makanan sebagai usaha memahami pasaran makanan secara lebih mendalam.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata ia selaras dengan Seksyen 11 Akta Persaingan 2010 dalam menentukan sama ada sebarang ciri atau gabungan ciri pasaran bagi barang makanan terpilih itu mungkin mengakibatkan kegagalan pasaran atau petunjuk isu persaingan.

Katanya, lima barang dipilih untuk kajian berkenaan ialah kobis, sawi, daging lembu, ikan kembung dan susu tepung bayi.

Kumpul pandangan

"Sebelum memuktamadkan laporan diperoleh, MyCC akan menjalankan beberapa siri seranta awam dan menyeru orang ramai mengambil bahagian bagi mengumpul pandangan, input dan idea mengenai kajian pasarannya."

"MyCC kemudian akan me-

nyiarkan laporan diperoleh dan syor berkaitannya selaras dengan peruntukan mengikut Seksyen 12 Akta Persaingan 2010. Ini penting bagi membolehkan kita memahami pasaran makanan dan mengenal pasti sekiranya ada apa-apa amalan antipersaingan dalam pasaran terbabit," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.


Siar laporan

Hasil sesi seranta awam ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya sebelum menyiar laporan akhir menjelang akhir Julai ini.

Salinan kajian pasaran itu boleh didapati di laman sesawang MyCC di www.mycc.gov.my bermulai 3 Jun hingga 3 Julai.

Orang ramai boleh mengemukakan maklum balas dan komen mereka melalui penyerahan bertulis kepada suruhanjaya.

Sesi seranta awam dijadualkan pada 18 Jun di Putrajaya untuk pegawai kerajaan dan 20 Jun di Kuala Lumpur untuk pemain industri.



Lima barang makanan dipilih untuk kajian semula pasaran.